

RM500 denda buang sampah dalam sungai

SEREMBAN: Majlis Perbandaran Seremban (MPS) menguatkuasakan denda maksimum RM500 kepada orang ramai yang sengaja membuang sampah bagi memastikan bandar ini bersih dan indah.

Yang Dipertua MPS, Abdul Halim Abdul Latif, berkata pihaknya sedang melaksanakan penguatkuasaan secara berjadual di kawasan Sungai Temiang bagi memastikan orang ramai mematuhi peraturan larangan membuang sampah.

Katanya, orang ramai yang didapati sengaja membuang sampah ke dalam sungai di bandar ini akan didenda maksimum RM500.

“Papan tanda larangan membuang sampah sudah ditempatkan di kawasan yang boleh dilihat oleh orang ramai,” katanya.

Abdul Halim berkata, orang ramai tidak boleh menggunakan alasan tidak tahu membuang sampah ke Sungai Temiang adalah satu kesalahan kerana papan tanda sudah diletak di tempat yang mudah dilihat.

“Orang ramai perlu prihatin dengan keadaan kebersihan di sungai itu kerana MPS memperuntukkan RM70,000 bagi kerja pembersihan dan pengindahannya sehingga akhir tahun ini,” katanya.

Katanya, peruntukan itu disalurkan secara berperingkat bermula awal Ogos dan dijangka berakhir Disember ini.

“MPS bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi kerja pembersihan Sungai Temiang yang merangkumi pembersihan dari sampah sarap, tembok sungai, tebing sungai dan pasir yang mendap,” katanya.